

Mahkamah Persekutuan putuskan PM boleh disaman misfeasance

Malaysiakini

19 November 2019

Mahkamah Persekutuan pagi ini memutuskan saman misfeasance boleh diteruskan terhadap perdana menteri dan menteri-menteri kabinet di pejabat awam dan kerajaan bertanggungjawab ke atas tindakan mereka.

Keputusan sebulat suara oleh panel enam hakim itu disampaikan oleh Hakim Nallini Pathmanathan hari ini yang membenarkan rayuan oleh Ahli Parlimen Damansara, Tony Pua berhubung saman misfeasance terhadap bekas Perdana Menteri Najib Razak dan kerajaan Malaysia berhubung 1MDB pada 2017.

Dengan demikian, mahkamah tertinggi itu juga membenarkan semula saman sivil yang difailkan Pua, yang telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada Oktober 2017.

Keputusan hari ini membatalkan keputusan Mahkamah Tinggi yang kontroversi, yang kemudiannya dikekalkan oleh Mahkamah Rayuan tahun lalu, bahawa Najib selaku perdana menteri bukan penjawat awam dan oleh itu, tidak boleh disaman

mifeanse di pejabat awam.

Di bawah prinsip undang-undang biasa, seseorang penjawat awam juga termasuk ahli-ahli kabinet dan perdana menteri manakala Perlembagaan Persekutuan menyatakan sebaliknya.

Keputusan hari ini menangani dua persoalan undang-undang yang dibawakan peguam Pua kepada kuorum tujuh anggota panel itu. Soalan itu adalah:

- Sama ada Perdana Menteri atau mana-mana menteri ialah penjawat awam di bawah Seksyen 5 Akta Prosiding Kerajaan 1956 bagi maksud tort misfeasance di pejabat awam; dan
- Sama ada perdana menteri atau mana-mana menteri adalah pegawai awam di bawah Seksyen 5 Akta Prosiding Kerajaan 1956 bagi maksud tort misfeasance di pejabat awam; dan

Sama ada mahkamah, dalam menentukan sama ada perdana menteri atau mana-mana menteri lain adalah pegawai awam bagi tort misfeasance dalam pejabat awam, dibatasi oleh takrif "pegawai awam" dalam Seksyen 3 Akta Tafsiran 1948 (1957) yang dibaca bersama dengan Artikel 132 dan Artikel 160 Perlembagaan

Persekutuan.

Dalam keputusannya hari ini, mahkamah memutuskan bahawa tort misfeasance di pejabat awam boleh diteruskan terhadap Najib sebagai individu yang memegang jawatan awam atau sebagai "pegawai awam"

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/500407>